

# PEMIMPIN UMNO DIINGAT JANGAN SUKA MELOBI CALON

KELUANG, Isnin — Seseorang pemimpin UMNO itu yang diundang bagi merasmikan sidang dan berikutnya memberi ucapan atau amanatnya, seharusnya bersikap berkecuali dan tidak pula melobi terlebih dahulu bagi calon-calon tertentu.

Pemerhati-pemerhati politik di sini merasa begitu terkilan perkara

seperti ini yang sepatutnya tidak berlaku telahpun berlaku pagi Jumaat lalu.

Perkara melobi seseorang calon ini timbul semasa Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Tamrin Ghafar berucap merasmikan persidangan perwakilan Pemuda UMNO Bahagian Keluang di Rumah UMNO di Jalan Datuk Kaptan Ahmad di sini.

Pemerhati-pemerhati politik di sini menyarankan Encik Tamrin sepatutnya bersikap berkecuali memandangkan adanya pertandingan jawatan Ketua Pemuda Bahagian, dan ucapannya itu pula seharusnya juga tidak terang-terang melobi seseorang calon itu.

Jawatan Ketua Pemuda Bahagian itu dipertandingkan di antara Haji Abdul Rahman Yunus yang mempertahankan jawatannya itu dengan Encik Abdul Manaf Haji Asmawi, Penolong Pegawai Daerah di sini.

Pemerhati-pemerhati politik juga berpendapat punca besar kekalahan Encik Abdul Manaf ialah disebabkan "lobi dari awal-awal lagi" oleh Encik Tamrin melalui ucapannya itu.

Mereka menekankan bahawa tiga faktor utama yang disebutkan oleh Encik Tamrin merupakan "pukulan yang hebat" bagi Encik Abdul Manaf.

Faktor pertama ialah, ahli-ahli UMNO perlu memilih pemimpin-pemimpin yang betul-betul mempunyai semangat dan sikap pemimpin dan tidak semestinya seseorang pemimpin itu seorang siswazah.

Kedua, pemilihan pemimpin itu tidaklah semestinya anak-anak tempatan kerana "orang luar" pun boleh dan ketiga terdapatnya pegawai-pegawai kerajaan yang menyeleweng.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia